
 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK KAMPUS BINTULU SARAWAK	FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2023 (EDISI KE-2) SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN MEMANAH DINAMIK	 FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2023 Kesenian Islam Pemangkin Kesejahteraan Negara
--	---	--

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Memanah Dinamik UPMKB sempena Festival Kesenian Islam 2023 (Edisi Ke-2)

2. PERATURAN PENYERTAAN

2.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua dan dibahagikan kepada enam (6) kategori Perseorangan seperti berikut:

Bil.	Kategori	Yuran (RM)
1	Sekolah Rendah (Lelaki)	10.00
2	Sekolah Rendah (Perempuan)	
3	Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Lelaki)	15.00
4	Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Perempuan)	
5	Terbuka (Lelaki)	30.00
6	Terbuka (Perempuan)	

2.2 Individu dalam kategori seperti senarai di atas yang berstatus bukan warganegara juga layak menyertai pertandingan ini.

3. SISTEM PERTANDINGAN

Format pertandingan memanah ini adalah seperti keterangan berikut:

Bil.	Format	Perkara
1	Jenis Memanah	Dinamik
2	Jarak	10 hingga 25 meter
3	Jumlah cek point	12 - 21
4	Jumlah anak panah	3 anak panah setiap cek point (Broad Head Arrow tidak dibenarkan)
5	Target	Replika Haiwan 3D dan <i>Target Butt</i>
6	Jenis Busur	- Tradisional (Bagi Kategori Terbuka) - Tradisional atau recurve (tanpa "Sight") (Bagi Kategori SR & SM/IPT)
7	Pusingan	1 Pusingan sahaja

3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1 Setiap peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan akan diarahkan bergerak ke titik semak (*check point*) masing-masing bagi memulakan pertandingan. Peserta kemudiannya akan bergerak ke arah titik semak (*check point*) yang seterusnya sehingga selesai kesemua titik semak (*check point*) yang telah ditetapkan.

3.2 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang *World Archery (WA)* yang berkuat kuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

3.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

3.3.1 Semua kejadian akan diputuskan oleh juri yang dilantik pada hari pertandingan.

3.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada *World Archery (WA)*.

4. **SYARAT PERTANDINGAN**

4.1 Acara perseorangan

4.1.1 Sebarang halangan yang berada di belakang/hadapan/sekitar *target butt* atau garisan memanah (*shooting line*) diminta untuk tidak diganggu atau diubah kedudukannya.

4.1.2 Mana-mana anak panah yang bersentuhan dengan garisan markah, markah yang tertinggi akan diambil kira.

4.1.3 Pemanah dikehendaki untuk memanah dari garisan memanah yang telah ditanda oleh pihak penganjur.

4.1.4 Pemanah tidak dibenarkan untuk pergi ke *target butt* atau replika haiwan sebelum memanah.

4.2 Peralatan memanah

4.2.1 Bagi **kategori terbuka**, hanya **busur tradisional** sahaja yang dibenarkan dalam pertandingan ini.

4.2.2 Bagi kategori SR dan SM/IPT, boleh menggunakan busur tradisional dan recurve (tanpa "Sight").

5. **REFERI / PENGADIL / PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN**

5.1 Jawatankuasa pengelola akan melantik pengadil / referi kehormat bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingkan.

5.2 Semua keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan daripada peserta tidak akan dilayan.

6. **PAKAIAN / PERALATAN**

6.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan mengikut undang-undang permainan berkenaan.

6.2 Pakaian tradisional mengikut adat dan kaum masing-masing adalah dibenarkan.

6.3 Pakaian yang tidak sopan dan menjolok mata tidak dibenarkan dalam pertandingan ini.

7. **PENDAFTARAN PESERTA**

7.1 Peserta pertandingan boleh menyertai lebih dari satu (1) kategori berdasarkan kelayakan seperti dalam perkara 2.

7.2 Borang Pendaftaran Peserta adalah secara atas talian dengan menggunakan *google form* di pautan berikut; **<https://forms.gle/H87uAdBauM5E4yJJ9>**

7.3 Sebarang pertukaran peserta hendaklah dibuat sebelum pertandingan bermula.

8. **JADUAL PERTANDINGAN**

Tarikh	Masa	Kategori
10 Ogos 2023 (Khamis)	0800 1700	- Sekolah Rendah (Lelaki) - Sekolah Rendah (Perempuan) - Sekolah Menengah / IPT (Lelaki) - Sekolah Menengah / IPT (Perempuan)
12 Ogos 2023 (Sabtu)	0800 1700	- Terbuka (Lelaki) - Terbuka (Perempuan)

9. **HADIAH PERTANDINGAN**

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

NAIB JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

KETIGA

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

SAGUHATI (Tempat ke-4 hingga Ke-10)

Wang Tunai + Sijil Penyertaan.

Wang Tunai terkumpul sebanyak **RM5,100.00** untuk dimenangi.

10. **BANTAHAN**

Segala bentuk bantahan daripada peserta tidak akan dilayan. Semua keputusan dan ketetapan permainan daripada juri / pengadil pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

11. **LAIN-LAIN KETERANGAN**

- 11.1 Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- 11.2 Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- 11.3 **Borang Pendaftaran dan Borang Pengesahan Bayaran Yuran (berserta slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **28 JULAI 2023 (JUMAAT)**.
- 11.4 Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Memanah Dinamik:
 - En. Mohammad Thaqif Tong (+6014-6988654) / thaqif@upm.edu.my